

18 OCT 2003

NIK AZIZ SOKONG KENYATAAN PERDANA MENTERI

PASIR PUTEH, 18 Okt (Bernama) -- Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini berkata umat Islam di negara ini patut menyokong kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang hanya menyuarakan kenyataan mengenai bangsa Yahudi pada sesi pembukaan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 Khamis lepas.

"Saya tidak fikir (Dr Mahathir) anti Yahudi, tetapi (beliau) anti terhadap perangai bangsa itu, yang bertepatan dengan anjuran Islam, (iaitu) mana-mana manusia tanpa mengira bangsa yang ikut perangai Yahudi, mereka perlu ditentang oleh umat Islam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Dewan Undangan Negeri Selising di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kecaman Barat terhadap Dr Mahathir yang dituduh sebagai anti Yahudi, dan media-mediana telah memuatkan komen-komen dari para pemimpin Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Israel dan Australia.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata Yahudi memerintah dunia dengan menggunakan proksi, dan dalam sidang medianya semalam, beliau berkata Yahudi bukanlah bangsa terpilih yang tidak terlepas dari melakukan kesalahan sehingga tidak boleh dikritik langsung oleh sesiapa pun.

Nik Aziz, yang juga Menteri Besar Kelantan berkata perangai bangsa itu perlu dikritik kerana mereka banyak melakukan perbuatan yang menyusahkan umat Islam.

Menurutnya sejak zaman Nabi Muhamad SAW, mereka sering menimbulkan pelbagai masalah besar yang dihadapi oleh masyarakat dunia, dan semuanya berpunca daripada perangai bangsa itu.

-- BERNAMA  
WM BD AZH